

# BULETIN

## SKILLS IN-TREND

EDISI 1 | 2019  
WILAYAH  
TENGAH

SEMINAR DAN DIALOG TVET PUSAT PERTAULIAH SISTEM  
LATIHAN NASIONAL (PBT) WILAYAH TENGAH  
TAHUN 2019




e-Buletin:



**Azhar! OKU  
Berkemahiran  
Tinggi**

**Kerjasama Industri  
& Pusat Latihan  
Kunci Kejayaan Perantisan  
MIDA - SLDN**

Dapatkan **NOSS**  
di JPK WT



**"DEFINISI NOSS"**

Singkatan daripada National Occupational Skills Standard (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. NOSS adalah dokumen yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan tersesebut.

Taklimat PPT  
pada hari Selasa  
pertama setiap bulan  
@ JPKWT

**PENGIKTIRAFAN  
PENCAPAIAN  
TERDAHULU  
(PPT)**

**Apa itu PPT?**

Satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada individu yang telah menunjukkan prestasi yang tinggi dalam NOSS berdasarkan kepada pencapaian dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. Individu yang mencapai tahap tinggi menunjukkan bukti-bukti ketrampilan yang dimiliki untuk dinilai dan diiktirafkan oleh pensyarah yang diiktirafkan.

**Tujuan PPT**

Memberi pengiktirafan terhadap ketrampilan yang dimiliki oleh seseorang individu yang dipertahankan melalui pengiktirafan kerja, pengiktirafan insidial secara formal atau tidak formal.

**Siapa Yang Layak Diberi Pengiktirafan?**

Sesuai individu yang memenuh syarat tempoh perkhidmatan dalam bidang yang berkaitan serta layak syarat lain yang ditetapkan.

**Faedah PPT**

Memberi peluang kepada sesapa yang mempunyai ketrampilan untuk menunjukkan pengiktirafan terhadap ketrampilan yang dimiliki.

Mengiktirafkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki tanpa mengambilkira bila, bagaimana dan di mana ia diperoleh semasa melalui pengalaman kerja, pengiktirafan insidial atau latihan formal (non formal atau informal).

Menyokong dan menggalak pembelajaran sepanjang hayat (SLH).

Maklumat lanjut :  
[www.dsd.gov.my](http://www.dsd.gov.my)

**SLDN**

**MELAHIRKAN  
PEKERJA  
BERPENGETAHUAN  
(K-WORKER)**

K-workers adalah pekerja yang mempunyai 100% capaian Kemahiran atau Ketrampilan, dan telah mempunyai sijil dan rekod prestasi yang baik.

Industri berminat  
boleh hubungi  
JPK Wilayah Tengah

**Tempoh Latihan**

Beroperasi tempoh setiap tahun dengan sistem Persejajaran dan Sistem Persejajaran Kemahiran Malaysia (SPMK).

**Nisbah Latihan**

70% hingga 80% ke arah awal di industri dan 20% hingga 30% latihan teori di pusat latihan.

**Eluan Latihan**

Semester 1 - RM450.00 rebu  
Semester 2 - RM450.00 rebu  
Semester 3 - RM450.00 rebu  
Semester 4 - RM450.00 rebu

**Persejajaran**

Persejajaran yang berjaya dalam perkhidmatan dan mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Sistem Persejajaran SPMK tahap 1, 2, 3, 4 atau 5 (RM dan 1PK) berdasarkan program yang ditetapkan.

**Insentif (Majikan)**

- Potongan cukai pendapatan syarikat terhadap kos perkhidmatan SLDN di syarikat;
- Potongan cukai pembebanan perkhidmatan yang dibayar untuk kos perkhidmatan SLDN; dan
- Potongan cukai pembebanan perkhidmatan yang dibayar untuk kos perkhidmatan SLDN kepada majikan yang mematuhi syarat HRDF (JPK) Pakalng Berdaftar 1/2008 (RM450).



Maklumat lanjut : [www.dsd.gov.my](http://www.dsd.gov.my)

# Isi kandungan

Sidang Redaksi

Kata-Kata Aluan Pengarah

**4 | SEGMENT UTAMA 1**

Seminar & Dialog TVET PB SLDN 2019

**6 | SEGMENT UTAMA 2**

Majlis Penyerahan Tawaran Insentif SLDN Pengambilan 1 & 2

**8 | SEGMENT IKON KEMAHIRAN 1**

Kepakarannya Menyelenggara Jentera Berat Diburu Syarikat GLC, MNC

**10 | SEGMENT IKON KEMAHIRAN 2**

KK Mart Mengiktiraf Pekerja Mahir Bidang Peruncitan

**12 | SEGMENT IKON KEMAHIRAN 3**

Azhar! OKU Berkemahiran Tinggi

**14 | PELUASAN TVET 1**

Kerjasama Industri & Pusat Latihan Kunci Kejayaan Perantisan MIDA - SLDN

**16 | PELUASAN TVET 2**

PESAT Bantu Penghuni PPR Jana Pendapatan

**18 | PELUASAN TVET 3**

SKM Mencorak Pembangunan Sumber Manusia Mahir GD Express

**20 | PELUASAN TVET 4**

KK Super Mart Mahu Lahirkan 300 Perantis Menjelang 2020

**22 | SEGMENT SANTAI**

Tournament Bowling JPK 2019 CSR Di Baitul Barakah Sambutan Hari Raya JPK Wilayah Tengah

**24 | TVET OUTREACH**

**25 | POTRET KEJAYAAN**

**26 | STATISTIK JPK**

Jun 2019 - Wilayah Tengah

**27 | MUTIARA KATA**



# SIDANG REDAKSI **BULETIN** SKILLS IN-TREND

## PENASIHAT

Dr Hajah Ruminah bt Muhammad Zain

## KETUA PENGARANG

En Wan Sulaiman b Md Daud

## PENGARANG

En Ismail b Abdul Hamid

En Mohd Faiz b Che Mat

Pn Norsiah bt Muhammad

En Mohamad Sharkan b Mahri

Pn Fazuany Haida bt Mior Muhammad Dahari

## TERBITAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah  
Kementerian Sumber Manusia

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel daripada mana-mana agensi, penyedia latihan dan individu yang ingin mempromosi sebarang aktiviti yang berkaitan dengan latihan kemahiran untuk dimasukkan dalam terbitan akan datang. Sumbangan artikel tersebut boleh dikemukakan ke :

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah,

Kementerian Sumber Manusia

A301-2, Tingkat 3, West Wing,

Wisma Consplant 2, No 7, Jalan SS 16/1,

47500 Subang Jaya, Selangor.

☎ 03-5635 9995

☎ 03-5638 8777

✉ [jpktengah@mohr.gov.my](mailto:jpktengah@mohr.gov.my)



JPK Wilayah Tengah

## Kata-kata Aluan PENGARAH



Assalamualaikum W.B.T & salam sejahtera.

Syabas dan tahniah kepada semua warga JPK Wilayah Tengah yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam penghasilan Skills In-Trend ini. Buletin edisi kali ini memaparkan aktiviti dan program yang dilaksanakan pada 6 bulan pertama tahun 2019.

RMK11 telah menggariskan keperluan 33% tenaga kerja mahir negara menjelang tahun 2020, selaras dengan itu Jabatan melalui Pusat Bertauliah telah mempergiatkan usaha untuk memastikan latihan yang dilaksanakan dapat menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi serta memenuhi keperluan industri. Di samping itu bagi menyokong ledakan teknologi Industri 4.0 jabatan telah berusaha untuk memenuhi keperluan industri dengan membangun Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard – NOSS*) baharu dan mengemaskini NOSS sediaada untuk digunakan di Pusat Bertauliah bagi membolehkan latihan berteraskan Industri 4.0 dilaksanakan.

Selaras dengan fungsi Jabatan iaitu menggalak, menyelaraskan dan mempromosi latihan kemahiran, Jabatan bersedia bekerjasama secara strategik dengan agensi awam, persatuan, pertubuhan, syarikat dan pusat latihan bagi merealisasikan fungsi tersebut.

Dalam era latihan berasaskan industri, SLDN telah dirancarkan lagi dengan penglibatan industri besar seperti KK Mart, Watson & McDonald yang menguasai sektor *retail* manakala Mercedes Benz, Toyota, Rapid Rail, UMW dan ISUZU dalam sektor automotif. Disamping itu SMI juga mengambil peranan dalam SLDN dalam bidang *soft skills*.

Jabatan merakamkan setinggi penghargaan kepada pusat bertauliah dan syarikat kerjasama di Wilayah Tengah dan pihak berkepentingan lain yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Jabatan. Usaha, tekun dan sabar dalam melahirkan graduan berkemahiran amatlah dipuji. Semoga bekerjasama dan usaha ini dapat dipertingkatkan dan diteruskan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Y. Brs Dr Hjh Ruminah Bt. Muhammad Zain

Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah  
Kementerian Sumber Manusia

SEMINAR DAN DIALOG TVET PUSAT BERTALIAH SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (PB SLDN) WILAYAH TENGAH TAHUN 2019

15 APRIL 2019

# SEMINAR & DIALOG TVET PB SLDN 2019

Program Seminar & Dialog Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET) Pusat Bertaliah Sistem Latihan Dual Nasional (PB SLDN) negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya merupakan aktiviti yang telah dirancang oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah (JPKWT) sebagai platform kepada Jabatan untuk mengenalpasti masalah dan berkongsi pendapat serta pandangan bersama agensi yang terlibat.

Program ini telah diadakan di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor pada 25 April 2019. Kehadiran dan penyertaan para jemputan adalah sangat membara-sangsangkan, seramai 86 orang wakil dari 53 PB SLDN telah hadir ke program ini. Mereka yang hadir telah memberi respon yang sangat baik. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohd Rashid bin Buyong Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM).





Beberapa masalah dan kemusykilan yang dihadapi oleh PB SLDN dalam pelaksanaan SLDN telah dikenalpasti dan diutarakan oleh wakil yang hadir semasa sesi dialog. Semua pencerahan kepada kemusykilan telah diperjelaskan oleh panel dari agensi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), En. Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi, Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Pn. Syamimi binti Samsudin dan Pengarah Bahagian SLDN JPK, Dr. Aruna Binti Ismail @ Abdul Wahab.

Program ini juga dilihat dapat menjadi satu platform kepada Jabatan untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat antara jabatan di bawah KSM disamping pusat latihan boleh mendapatkan maklumat dengan agensi-agensis yang mempunyai dana bagi latihan berasaskan kemahiran.



# MAJLIS PENYERAHAN TAWARAN INSENTIF SLDN PENGAMBILAN 1 & 2



ILPKL

Majlis Penyerahan Surat Tawaran Insentif SLDN 2019 telah diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILPKL) pada 28 Januari 2019. Tahniah kepada 23 PB SLDN dan 98 program daripada Kuala Lumpur dan Selangor yang telah berjaya ditawarkan untuk melaksanakan latihan bagi pengambilan pertama.

Majlis telah disempurnakan oleh YBrs Pn Shamsida Bt Zainal Abidin, Timbalan Pengarah SLDN, JPK Cyberjaya. Turut hadir bersama memeriahkan majlis tersebut adalah YBrs Dr. Ruminah Bt. Muhammad Zain, Pengarah JPK Wilayah Tengah.



Majlis yang sama juga telah diadakan di Institut Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping pada 30 Januari 2019 untuk PB SLDN negeri Perak. Tahniah kepada 21 PB SLDN yang telah berjaya ditawarkan untuk melaksanakan latihan bagi pengambilan pertama. Sebanyak 55 program dalam pelbagai bidang kemahiran akan dilaksanakan.

Majlis telah disempurnakan oleh YBrs Dr. Ruminah Bt. Muhammad Zain, Pengarah JPK Wilayah Tengah. YBrs P JPKWT dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada semua PB SLDN yang telah berjaya mendapat Gran tawaran Insentif SLDN pada tahun ini. Beliau berharap agar graduan yang dihasilkan dari program ini mempunyai keboleherjaan yang tinggi kerana pendekatan latihan yang berasaskan industri.

Pengambilan kedua Majlis Penyerahan Surat Tawaran Insentif SLDN telah diadakan di JPKWT pada 8 Mei 2019. Sejumlah 37 PB SLDN dari negeri Selangor, Perak & WP Kuala Lumpur telah hadir untuk menerima tawaran tersebut. Ianya merangkumi sejumlah 72 program kemahiran dalam pelbagai bidang yang melibatkan seramai 706 orang perantis.



JPKWT

Majlis telah disempurnakan oleh YBrs Dr. Ruminah Bt. Muhammad Zain, Pengarah JPK Wilayah Tengah. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua PB SLDN yang telah berjaya mendapat Gran tawaran dan berharap PB dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberikan mengikut panduan pelaksanaan SLDN yang telah ditetapkan.



ADTEC TAIPING



## SEGMENT IKON KEMAHIRAN 1



Melihat dari susuk tubuh beliau, kita tidak akan menyangka bahawa En Abdul Karim B. Muhammad adalah seorang pakar dalam penyelenggaraan dan baik pulih lebih 10 jenis jentera berat seperti *excavator*, *backhoe loader*, *wheel loader*, *bulldozer* dan lain-lain lagi.

Anak Jati kelahiran Rembau, Negeri Sembilan ini mula berminat dengan bidang automotif semasa beliau berada di tingkatan 4. Beliau dan rakan-rakannya sering membuka, memasang semula, menyelenggara dan cuba menambah baik enjin motosikal yang dimilikinya. Keterujaan dan minat beliau dengan enjin membolehkan beliau dipilih untuk mengikuti kursus Diploma Pengajar Vokasional (DPV) dalam bidang Automotif di Pusat Latihan Pengajar & Latihan Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor.

Selepas menamatkan pengajiannya pada tahun 2007, anak ke 6 daripada 7 orang adik beradik ini telah berkhidmat di beberapa buah pusat latihan kemahiran automotif seperti Akademi Saga, Shah Alam, dengan pendapatan permulaan RM 1,300 sebulan, kemudian berhijrah ke Top Speed, Glenmarie, Selangor (2008) dan Kolej Sri Ayu, Kampar, Perak (2009). Pada 2010, beliau telah menyertai Puspakom sebagai seorang pemeriksa kenderaan motor.

Tahun 2011 adalah tahun yang sangat bermakna bagi Abdul Karim B. Muhammad kerana beliau ditawarkan ke UMW Corporation Sdn Bhd. sebagai seorang Technical Learning Executive di Bahagian Latihan & Pembangunan. Ia adalah merupakan satu lonjakan besar dalam kerjayanya kerana beliau mula berjinak-jinak dengan segmen jentera dan peralatan berat. Beliau

# KEPAKARANNYA MENYELENGGARA JENTERA BERAT DIBURU SYARIKAT GLC, MNC

teruja kerana perlu mula mempelajari keseluruhan sistem jentera berat dari peringkat asas kerana sistemnya 70% berbeza daripada sistem automotif jentera ringan.

Antara tugas dan tanggungjawab utama beliau sekarang adalah untuk melatih mekanik jentera berat UMW Sdn Bhd yang baru, memberi latihan kemahiran lanjutan pada mekanik sedia ada di syarikat yang mahir serta berpengalaman, melaksanakan latihan kemahiran & teknikal lanjutan kepada staf pengurusan syarikat, mengendalikan kursus luaran latihan kemahiran kepada mekanik-mekanik jentera berat dari syarikat pelanggan UMW Sdn Bhd dan merekabentuk kursus / latihan kemahiran mengikut keperluan syarikat pelanggan.

Menurut En Abdul Karim Muhammad, antara kepuasan bekerja beliau selama 8 tahun di UMW Sdn Bhd adalah beliau dapat membantu pihak syarikat untuk mempersiapkan seramai 40

“Semasa saya mula menyertai UMW, kita dapati pekerja mahir di syarikat ini tidak mempunyai pengiktirafan/persijilan kemahiran dalam bidang jentera dan peralatan berat. Oleh yang demikian kita ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JPK kerana telah membantu pihak kami meningkatkan profesionalisma kerjaya semua mekanik di syarikat ini.”  
- Abdul Karim Muhammad





Equipment Sdn Bhd. masih menagih khidmat baktinya. Beliau kembali semula ke syarikat tersebut dengan tawaran, bebanan dan tanggungjawab yang lebih mencabar.

Walaupun telah mencapai pendapatan 5 hingga 10 kali ganda lebih daripada sewaktu mula beliau menceburkan diri ke alam pekerjaan, beliau berkata bahawa “Minat yang mendalam dalam jentera berat dan keseronokan bekerja dalam bidang ini mengatasi nilai apa-apa ganjaran yang datang. Ganjaran akan datang dengan sendirinya apabila kita benar-benar layak untuk memilikinya.”

Harapan beliau pada masa akan datang adalah untuk melihat UMW sebagai ‘1 *stop centre*’ utama bagi jentera dan peralatan berat di Malaysia. Beliau juga menasihatkan kepada para belia yang meminati enjin untuk memasuki bidang ini kerana tenaga mahir tempatan bagi bidang ini sangat-sangat diperlukan oleh industri.

orang mekanik muda dan mengiktiraf seramai 48 orang mekanik Penyelenggaraan Jentera Tolak Tanah dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 3 melalui program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Pengiktirafan Pencapaian Tardahulu (PPT) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah (JPKWT), Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Di atas kepakaran beliau dalam penyelenggaraan serta baikpulih jentera dan peralatan berat, pada Ogos 2018, beliau telah dilamar oleh Hitachi Construction Machinery (M) Sdn Bhd. Walau bagaimanapun jodoh beliau di sana hanya bertahan selama 6 minggu kerana pihak UMW



Rangkaian Peruncitan KK Supermart & Superstore Sdn Bhd mengiktiraf dan memberi keutamaan pada pekerja mahirnya yang mempunyai pengiktirafan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) untuk diberikan amanah yang lebih tinggi dan tanggungjawab yang lebih luas dibidang kerjaya peruncitan bersama syarikat tersebut.

Perkara ini diakui oleh Pengurus Kanan Bahagian Kawalan Operasi KK Supermart & Superstore Sdn Bhd, En Steven Lee Teng Sun, "Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) & Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) ini sangat baik dan boleh bertindak sebagai magnet yang sangat kuat untuk menarik dan mengekalkan pekerja tempatan. Pekerja yang berjaya memperolehi Sijil/Diploma/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia diiktiraf kekompetenan mereka oleh pihak kerajaan dan industri. DKM yang diperolehi graduan di KK Mart contohnya adalah setanding malah lebih berkualiti dengan diploma dalam bidang sama yang dikeluarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta (IPTA/S).

Raja Maizura Raja Yusop & Enya Anak Jakson adalah dua orang Ikon Mahir KK Mart yang telah berjaya memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi bidang Peruncitan Jabatan melalui kaedah PPT pada tahun 2017. Kedua-duanya sememangnya tidak menyangka boleh sampai ke tahap Senior Field Manager KK Supermart dengan pendapatan bulanan RM 5000 hingga 10,000 sebulan kerana mereka hanya bermula sebagai seorang pembantu kedai di cawangan KK Mart dengan kelulusan SPM dengan pendapatan permulaan sekitar RM 700 sebulan.

Raja Maizura Raja Yusop, 32, terus memasuki pasaran kerja selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai seorang pembantu jualan di sebuah kedai fotografi di Taman Midah Kuala Lumpur pada tahun 2005. Walaupun mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, situasi ekonomi keluarga yang kritikal pada ketika itu menyebabkan anak ketiga daripada lima orang adik beradik ini membuat keputusan untuk bekerja bagi meringankan bebanan kedua ibu dan bapa.

Kerjaya anak jati Kuala Pilah ini bermula di KK Mart Bandar Tun Hussein Onn Cheras pada tahun 2014 sebagai seorang pembantu kedai tersebut.

Komitmen yang tinggi dan peningkatan kekompetenan beliau dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya serta sikap yang positif dan tidak mudah berputus asa adalah merupakan penyebab utama beliau telah dinaikkan pangkat oleh pihak syarikat ke Supervisor (2015), Assistant Field Manager (2016), Field Manager (2016) dan Senior Field Manager (2017) dalam masa kurang dari 3 tahun.

Tanggungjawab beliau sekarang adalah untuk memastikan bahawa operasi peruncitan 40 cawangan Rangkaian KK Supermart & Superstore di Cheras sentiasa berjalan dengan lancar dan mampu menampung permintaan keperluan pelanggan dari masa ke masa. Maizura sentiasa percaya bahawa kerjasama berpasukan, proses penambahbaikan yang berterusan dan sentiasa positif dalam menyelesaikan sesuatu masalah adalah kunci kepada kejayaan dalam bidang peruncitan.

Pada beliau, cabaran yang paling besar yang perlu dihadapinya dalam bidang ini adalah untuk berurusan dengan supervisor di cawangan, kerenah pembekal dan kehendak pelanggan di rangkaian-nya bagi memastikan prestasi



En Azahar Naba



Raja Maizura Raja Yusop

# KK Mart Mengiktiraf Pekerja Mahir Bidang Peruncitan



Enya Anak Jackson



Steven Lee Teng Sun

jualan adalah ditahap yang memberangsangkan. Perancangan Maizura dalam masa terdekat ini adalah untuk mendapatkan DKM bagi bidang Peruncitan dan bercita-cita untuk menjadi seorang Operation Manager.

Kejayaan Raja Maizura & Enya adalah merupakan hasil daripada bimbingan dan sentuhan Trainer En Azhar B Naba, seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dan kepakaran yang tinggi dalam bidang peruncitan. Menurut En Azhar dengan pelaksanaan SLDN, skop pembelajaran dan kekompetenan bidang peruncitan menjadi lebih menyeluruh tidak hanya terhad dengan skop pelaksanaan sistem peruncitan di KK Mart sahaja.

Kisah Enya Anak Jackson, 30, sedikit berbeza daripada rakannya, selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2006, beliau terus bekerja di sebuah restoran makanan segera, Sugar Bun di Sibul, Sarawak untuk membantu ekonomi keluarga. Bagi meningkatkan ekonomi diri dan keluarga, anak ketiga daripada lima orang adik beradik ini telah membuat keputusan nekad bersama kakaknya untuk berhijrah ke Kuala Lumpur pada 2008.

Ternyata keputusan beliau untuk bekerja di KK Mart, Bukit Bintang, Kuala Lumpur telah mengubah taraf kehidupan diri dan keluarganya. Dari seorang pembantu kedai (2008), beliau telah dinaikkan pangkat oleh pihak syarikat ke Supervisor (2012), Assistant Field Man-

ager (2014), Field Manager (2015) dan Senior Field Manager (2017). Pencapaian-pencapaian cemerlang Enya ini adalah berdasarkan usaha gigih dan ketekunan beliau serta mempunyai sikap yang tidak malu untuk belajar dan bertanya daripada senior-senior berkenaan masalah yang tidak dapat diselesaikannya. Kakaknya juga adalah seorang Field Manager di rangkaian KK Mart. Kejayaan beliau dan kakaknya di Kuala Lumpur mengundang kesemua anggota keluarganya ke ibu negara untuk tinggal bersama mereka.

Tanggungjawab beliau sekarang adalah untuk memastikan bahawa operasi peruncitan 53 cawangan Rangkaian KK Supermart & Superstore di kawasan Bukit Bintang Kuala Lumpur sentiasa berjalan dengan lancar dan mampu menampung permintaan keperluan pelanggan dari masa ke semasa. Pada beliau pepatah yang mengatakan

“Bukan senang nak senang” ada betulnya. Kesusahan, keperitan dan kegigihan beliau dalam bidang ini selama hampir 11 tahun telah menampakan kejayaannya. Anak jati Sibul, Sarawak ini berhasrat untuk mendapatkan DKM bagi bidang Peruncitan dan bercita-cita untuk membuka kedai peruncitannya sendiri di kampung halaman pada masa akan datang.



# Azhar! OKU Berkemahiran Tinggi

Diuji Allah dengan mengalami kekurangan daya penglihatan sejak lahir tidak sama sekali melemahkan Azhar Ibrahim, 36, yang tinggal di Kampung Batu Enam, Jalan Tanjung Tualang, Perak untuk terus hidup berdikari. Malah berkat kesungguhan dan minat mendalamnya terhadap motosikal kini telah berjaya membawanya menjadi seorang mekanik motosikal di sebuah bengkel yang diusahakannya sendiri sejak tahun 2008, di kampungnya.

Azhar juga sendiri mengakui tidak tahu bagaimana untuk menjelaskan lebih lanjut dirinya seorang Orang Kelainan Upaya (OKU), begitu mahir dalam memperbaiki motosikal dengan hanya menggunakan deria pendengaran dan deria rasa.

“Sejak daripada sekitar umur 7 tahun, saya amat tertarik dan gemar terhadap bunyi-bunyian. “Masa kecil, jika ada bunyi motosikal datang ke rumah, saya akan mendekatinya dan cuba ‘usik’ bahagian-bahagian motor tu sedikit,” katanya kepada pemberita, di sini, hari ini. Ujarnya lagi, usahanya untuk mengetahui lebih mendalam tentang motosikal turut dibantu oleh rakan-rakannya. Selain itu, jelas Azhar, bengkel motosikalnya pada awal hanyalah berada di bawah rumahnya dan ia juga bermula daripada beliau memperbaiki motosikal milik bapa saudaranya dan bapanya.

“Selepas rakan-rakan kongsikan tentang bengkel saya ini di Facebook, ia mula tular dan pada tahun

2013, saya telah menerima bantuan daripada pelbagai agensi. Alhamdulillah, ia menjadi besar sedikit dan ia seperti sekarang ini,” katanya. Tambahnya, beliau juga pernah menerima pelanggan yang datang daripada Shah Alam, yang berhajat untuk meminta Azhar memperbaiki motornya.

Anak kelima daripada enam orang adik beradik itu berkata sifat berdikari memang sudah didik oleh ibu bapanya sejak daripada kecil lagi. Katanya, pernah beberapa orang menasihatkan ibunya untuk memberi Azhar tongkat bagi memudahkan beliau untuk berjalan. Namun kata Azhar, ibunya tidak mahu berbuat demikian kerana tidak mahu Azhar kelihatan seolah-olah berbeza dengan adik beradiknya lain yang normal. Disebabkan itu, walaupun kekurangan daya penglihatan, namun Azhar tidak kekok berjalan tanpa menggunakan tongkat.

Dalam pada itu, Azhar yang dilihat merendah diri sentiasa berasa bersyukur kerana sepanjang tempoh menjalankan perusahaannya, beliau sentiasa dibantu rakan-rakan selain tidak pernah berasa susah. Beliau juga bersyukur kerana sehingga kini tidak pernah diambil kesempatan oleh mana-mana pihak cuma katanya baru-baru ini sahaja bengkelnya mengalami kehilangan barang.

“Saya tak tahu nak cakap macam mana, mungkin ia kuasa Allah. Namun, ini juga berdasarkan minat saya”  
- Azhar Ibrahim





“Setakat ini, Alhamdulillah saya tak berasa susah. Saya tidak minta untuk menjadi kaya. Cukup sekadar saya dapat menampung makan, minum, dan pakaian saya. “Orang kata, janji duit itu tidak putus,” katanya yang memperoleh pendapatan mencecah RM 2,000 sebulan.

Ketika ditanya pemberita tentang impian terhadap bengkelnya, Azhar berkata beliau berharap agar bengkel dan papan penunjuk arah ke bengkelnya itu dapat diperbesarkan lagi. “Saya buat masa ini, tidak mampu untuk menggaji pekerja namun jika ada yang mahu mempelajari cara membaiki motor daripada saya, Insyallah saya boleh ajarkan,” katanya.

Tambah Azhar, bengkelnya itu dibuka setiap hari, kecuali jika beliau mempunyai urusan peribadi yang lain. Bengkel yang sering menjadi tempat rakan-rakannya berkumpul itu telah dikunjungi Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar serta Exco Sumber Manusia Negeri, A.Sivanesan. Azhar yang ditemui berkata beliau berasa gembira kerana pimpinan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri sudi bertandang ke bengkel motosikalnya.





# KERJASAMA INDUSTRI & PUSAT LATIHAN KUNCI KEJAYAAN PERANTISAN MIDA - SLDN

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menyasar untuk memperluas pelaksanaan Program Perantisan ke seluruh negara dengan penglibatan lebih 100 syarikat dan 700 pelatih bagi fasa kedua program itu. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya Zabidi Mahbar berkata fasa kedua program akan bermula pada akhir bulan depan.

"Sehubungan itu, MIDA menggesa lebih banyak syarikat tampil mengambil bahagian bagi mewujudkan lebih banyak peluang penempatan latihan bagi peserta program," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada 24 graduan pada Konvokesyen Program Perantisan 2019, di sini hari ini.

Seramai 24 graduan dari kumpulan pertama Program Perantisan menerima SKM pada majlis konvokesyen yang diadakan di ibu pejabat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), semalam. Sijil disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Norazman Ayob.

Siri pertama program berkenaan melibatkan lima syarikat iaitu Royal Selangor International Sdn Bhd, Top Glove Corporation Bhd, Gethi Engineering Sdn Bhd, Fire Fighter Industry Sdn dan YKGI Holdings Bhd, manakala kolej yang terlibat ialah Kolej Vokasional Setapak, Kolej Vokasional Klang dan Kolej Vokasional Sungai Buloh.



Zabidi berkata Program Perantisan merupakan inisiatif dua tahun yang menyasarkan pelajar lepasan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

"Program ini disesuaikan daripada model latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) Jerman di mana 70 peratus latihan dijalankan di industri manakala 30 peratus lagi di institusi latihan kemahiran," katanya.

Beliau berkata program berkenaan adalah program pintas dengan kerjasama MIDA, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) yang bertujuan menyediakan pekerja mahir yang boleh diserap terus ke dalam industri.

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang mewakili Datuk Darell Leiking, Datuk Seri Norazman Ayob berkata, "Program Perantisan ini merupakan contoh terbaik inisiatif industri-akademik MIDA bagi menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara.

"Selaras dengan Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 yang telah dilancarkan pada tahun lepas, kerajaan terus menggalakkan kerjasama di antara pihak pusat latihan kemahiran dengan pihak industri bagi memastikan para graduan yang dilahirkan bukan sahaja mempunyai pengetahuan asas tetapi berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi semasa.



Mesyuarat di MIDA



Sesi temuduga perantis

# PESAT Bantu Penghuni PPR Jana Pendapatan

Kuala Lumpur, 21 April 2019: Kementerian Wilayah Persekutuan melancarkan Program Pembangunan Ekonomi Sejahtera Rukun Tetangga (PESAT) bagi membantu golongan miskin bandar, terutama penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) meningkatkan pendapatan dan keluar daripada garisan kemiskinan tegar dan masalah sosial yang kritikal.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Shahrudin Md Salleh, berkata antara tujuan utama PESAT ialah melahirkan usahawan kecil-kecilan yang mampu mengeluarkan produk mereka sendiri, bermula dengan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) berkenaan. Beliau berkata, kerajaan percaya usaha itu mampu menjana pendapatan lumayan kepada penghuni PPR, biarpun dijalankan di KRT.

“Saya amat mengalu-alukan usaha semua pihak bagi membantu penduduk di KRT, terutama golongan berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan masing-masing menerusi program PESAT secara berkelompok, sama ada dalam kawasan PPR atau PPA (Perumahan Awam).

Program-program bakal dilaksanakan menerusi 4 kluster utama iaitu pengeluaran makanan, perkhidmatan, kraftangan dan latihan kemahiran yang boleh membantu mereka menjana sumber pendapatan tambahan sendiri bagi membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup setiap masa,” katanya pada sidang media selepas melancarkan program PESAT peringkat Wilayah Persekutuan di KL Gateway, semalam. Kira-kira 70 peratus daripada penghuni PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur gagal menjelaskan sewa bulanan masing-masing kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana masalah kewangan.

Sebelum ini, media melaporkan DBKL kerugian RM18,137,507 berikutan tunggakan sewa daripada penyewa unit PPR dan Perumahan Awam (PA) setakat 31

#JOMSEJAHTERA

# PESAT

Program Pembangunan Ekonomi Sejahtera Rukun Tetangga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PESAT)

“Merakyatkan Kesejahteraan Ekonomi Demi Perpaduan”



KL GATEWAY  
Jalan Kerinchi, Kerinchi,  
59200 Kuala Lumpur.

ABAD  
21 APRIL 2019  
8.00pg - 5.00ptg



## BUKU ATURCARA PROGRAM

Anjuran





Oktober lalu, membabitkan 26,860 penyewa yang gagal menjelaskan sewa bulanan RM124 sebulan. Di sebalik sewa yang rendah dengan subsidi mencapai 50 peratus itu, DBKL masih berdepan tunggakan lebih RM56 juta apabila 26,000 penyewa yang masih mendiami unit masing-masing gagal membayar sewaan terbabit, manakala 16,000 individu meninggalkan tunggakan selepas berpindah keluar.

Pihak JPK mengambil peranan aktif dalam pelaksanaan PESAT di bawah kluster latihan kemahiran. Pihak jabatan akan memastikan para belia dan usahawan KRT akan menerima latihan kemahiran mengikut bidang masing-masing dengan sempurna sehingga selesai dan dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kluster Latihan Kemahiran ada bertujuan untuk membangunkan para belia KRT menerusi latihan kemahiran. Dengan kekompetenan dalam sesuatu bidang kemahiran, para belia tersebut akan memasuki pasaran kerja dengan pendapatan yang lebih tinggi atau boleh menjana pendapatan sendiri dengan perniagaan.



Pembangunan sumber manusia adalah perkara yang sangat diberi keutamaan di GD Express Sdn Bhd semenjak penubuhannya pada tahun 1997. Tanggungjawab ini digalas Akademi GDEX yang dipimpin oleh R. Thevavasanthan, Ketua Bahagian Latihan syarikat.

Menurut R. Theva “Latihan adalah nadi kepada pembangunan dan kejayaan GDEX semenjak 22 tahun penubuhannya, ianya penting bagi memastikan kualiti perkhidmatan kurier yang kami sediakan kepada pelanggan-pelanggan kami adalah di tahap yang terbaik. Dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) & Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), ianya akan mencorak pembangunan sumber manusia kepada lebih 5000 pekerja mahir di syarikat ini dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang diiktiraf kerajaan. Kita mensasarkan untuk mempersijilkan semua pekerja mahir kurier di syarikat ini dengan Sijil / Diploma Kemahiran Malaysia (S/DKM) dalam jangka masa yang terdekat.”

“Pihak syarikat telah mengkaji beberapa sijil pengiktirafan kemahiran yang lain sebelum ini, namun kita mendapati bahawa adalah lebih mudah, murah dan cepat untuk memilik S/DKM berbanding persijilan-persijilan kemahiran tersebut tambahan pula ianya diiktiraf kerajaan dan perbelanjaan bagi tujuan latihan boleh mendapat 100% pulangan semula daripada pihak PSMB.”

“Seramai 40 orang perantis rintis bidang Operasi Perkhidmatan Kurier dijangka akan menamatkan program SLDN pada bulan Febuari tahun hadapan. Kesemua perantis ini adalah pekerja mahir terbaik kurier yang kita pilih dari lebih 100 buah cawangan GDEX di seluruh negara. Kita juga akan mempersijilkan para jurulatih (coach) SLDN yang terlibat dengan DKM pada akhir tahun ini sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan yang telah mereka curahkan.”

Dengan kekompetenan dan kemahiran dalam bidang kurier yang diperolehi sepanjang bersama kami, ramai

# SKM Mencorak Pembangunan Tenaga Mahir GD EXPRESS




**“Sebahagian besar daripada 5000 orang pekerja mahir kami menyertai GDEX selepas menamatkan zaman persekolahan mereka. Mereka hanya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sijil yang lebih rendah.”**

- R. Thevavasanthan,  
Ketua Bahagian GDEX Express



yang telah menikmati pendapatan yang tinggi, ada juga yang telah dinaikan pangkat ke Kurier Kanan, Penyelia, Ketua Cawangan, Pegawai Operasi malah ke peringkat Pengurus Wilayah.

Kerjaya kurier ini sangat menarik sekarang dirancakkan lagi dengan perkembangan perniagaan secara online dimana pelanggan kami seperti Zalora, Lazada, AGSS, Citibank dan banyak lagi sentiasa meningkatkan permintaan perkhidmatan GDEX dari masa ke semasa.

Akhirnya beliau menggalakan para beliau untuk memilih bidang kurier sebagai kerjaya pilihan kerana bidang ini sedang berkembang dengan pesat sekali dan memerlukan ramai tenaga mahir yang mempunyai komitmen dan amanah yang tinggi. 



KUALA LUMPUR - Kedai serbaguna 24 jam, KK Super Mart berhasrat melahirkan 300 perantis menerusi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) menjelang tahun 2020.

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd., Datuk Seri Dr. KK Chai berkata, pihaknya menerusi kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melahirkan 56 orang perantis sejak 2017, manakala 66 orang lagi masih dalam peringkat pengajian.

“Ini merupakan salah satu inisiatif syarikat bagi meningkatkan kemahiran pekerja dalam sektor peruncitan. Malah, kami merancang untuk meluaskan pelaksanaan SLDN secara berperingkat di kesemua 380 outlet sedia ada.

“Kami menyasarkan lebih daripada 300 orang perantis dapat dilahirkan menjelang 2020 selain merancang untuk menubuhkan Kolej KK yang menawarkan program SLDN secara terbuka kepada semua pekerja dalam sektor peruncitan,” katanya.

## KK SUPER MART MAHU LAHIRKAN 300 PERANTIS MENJELANG 2020

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen SLDN KK Super Mart 2019 di Dewan Perdana, Bukit Jalil Golf & Country Resort di sini baru-baru ini. Turut hadir Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Mahfuz Omar. Seramai 53 graduan berjaya menamatkan program tahap Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia (S/DKM) dalam bidang operasi peruncitan.

Chai menjelaskan, pihaknya sentiasa merangka program latihan dan pembangunan pekerja dalam memastikan ia bergerak seiring dengan hala tuju syarikat.

“Kami telah menyediakan latihan kepada 3,000 pekerja melalui Pusat Latihan KK sejak 2010 melibatkan aspek penyeliaan, komunikasi dan perkhidmatan pelanggan,” katanya.





## KK Super Mart mahu lahirkan 300 perantis menjelang 2020

Oleh NOOR SYAHIDATOL AQMA MOHID NOOR

KUALA LUMPUR – Kodai surbaganu 24 Jun, KK Super Mart bertekad melahirkan 300 perantis menerusi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) menjelang tahun 2020.

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd., Datuk Seri Dr. KK Chai berkata, pihaknya menerusi kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia telah melahirkan 50 orang perantis sejak 2017, manakala 60 orang lagi masih dalam peringkat pengujian.

"Ini merupakan salah satu inisiatif syarikat bagi meningkatkan kemahiran pekerja dalam sektor peruncitan. Malah, kami menjangka untuk melancarkan pelaksanaan SLDN secara bertahap di kesemua 880 outlet sedia ada."

"Kami mengemukakan lobi dari pada 300 orang perantis dapat dilahirkan menjelang 2020 selain merancang untuk memulihkan Kolej KK yang menawarkan program SLDN secara terbuka ke-



MAHFUZ OMAR (merupakan Anugerah Pinghargaan Khas Perintis Cemerlang kepada Hajiji Zakaria) sembi diperibadikan KK Chai (dua dari kanan) pada Majlis Konvokesyen SLDN KK Super Mart 2019 di Kuala Lumpur semalam.

padu semua pekerja dalam sektor peruncitan," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen SLDN KK Super Mart 2019 di Dewan Portiana, Bukit Jalil Golf & Country Resort di sini baru-baru ini. "Kami telah menyediakan latihan kepada 3,000 pekerja melalui Pusat Latihan KK sejak 2010 melibatkan aspek penyediaan, pelaksanaan dan perkhidmatan pelanggan," katanya.

(Kuala Lumpur 3日讯) KK Super Mart 响 应人力资源部技术发展局所推行的双 轨培训系统课程 (SLDN)，该集团旗 下安排约200名职员报读。

日前，56位已完成课程的学生， 获颁大马技术证书(SKM)与大马技术文 凭(DKM)。

KK集团创办人兼执行主席詹督 里蔡志权在出席毕业典礼后表示，共 有约200名KK Super Mart员工参与此培 训系统旗下的零售业课程。

"首批学生有56人，仍有66位职 员正在接受培训，今年6月，另66位 职员将投入培训。

"我们希望能在2020年，可以培训 超过300名职员，并展望未来能成立KK 学院，让大马所有零售业的职员皆可 以参与双轨培训系统课程。

### 课程为期16个月

这项为期16个月的课程，让员 工可获得在职培训，边工作边学习之 余，每个月可获得300令津贴，未来 也拥有更佳的升迁机会。蔡志权也呼

## 響應雙軌培訓系統課程 KK Mart安排200職員報讀



哈嘉鲁米娜(前排左六起)、苏伊米、马夫拉、蔡志权、郑国贤与嘉宾和毕 业生合影。

吁其他企业，进一步了解及参与此由 政府提供的双轨培训系统课程，让更 多员工受惠。

出席毕业典礼的人力资源部副部长 拿督马夫拉呼吁其他企业效仿国家技 术发展局与KK集团之“公私合作”，

以培训拥有知识、技能的新一代，迈 向工业革命4.0。

出席者包括KK集团总经理郑国 贤、人力资源部技术发展局(发展 部)副总监苏伊米、中马区技术发 展局总监哈嘉鲁米娜。



**TOURNAMENT  
BOWLING  
JPK 2019**



Satu Pertandingan Bowling JPK Tertutup telah diadakan bertempat di ARL POWER BOWL, Alamanda Putrajaya pada 13 April 2019. Sejumlah 18 pasukan yang mewakili bahagian masing-masing telah menyertainya. Pasukan JPKWT yang terdiri daripada Pn Norfaeza Salihin, Pn. Hidayah Bt Md Zain, En Ismail B. Abdul Hamid dan En Mohd Sharkan Mahri telah mendapat tempat ke 5 keseluruhan dengan serta menggungguli kategori individu wanita yang telah dimenangi oleh Pn. Hidayah Bt Md Zain.

Pertandingan Bowling jabatan yang diadakan setiap tahun ini bertujuan untuk memilih bowler terbaik yang akan mewakili jabatan ke Pertandingan Bowling peringkat Kementerian Sumber Manusia. Tn. Hj Suimi TKP JPK dalam ucapan perasmianya berharap agar pertandingan ini akan dapat mencungkil bakat-bakat baru bowling JPK serta dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara sesama kakitangan.



**CSR @  
BAITUL  
BARAKAH  
SEPANG**

Satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah dilaksanakan pihak jabatan bersama beberapa PB SLDN Selangor ke Rumah anak-anak yatim

Baitul Barakah pada 18 Mac 2018. Pengarah JPK Wilayah Tengah Dr Hj H Ruminah Bt Muhammad Zain turut sama memeriahkan program CSR pada hari tersebut.

Diantara acara menarik yang dilaksanakan adalah sesi taaruf dan taklimat daripada pihak Baitul Barokah berkenaan penubuhan dan perjalanan sekolah tersebut, sesi penyerahan sumbangan daripada pihak JPK kepada pihak Baitul Barokah, demonstrasi kemahiran dekorasi cup cakes oleh pihak Deena Skill's Academy dan sesi lawatan ke persekitaran Baitul Barokah.

Sekolah rendah berasrama anak yatim ini boleh menampung sehingga 100 ke 120 orang penghuni lelaki dan perempuan pada satu-satu masa. Sekolah yang diasaskan pada tahun 2005 ini sangat berterima kasih kepada pelbagai pihak yang telah dan akan menghulurkan sumbangan kepada pihak mereka dalam mendidik dan membangunkan anak-anak yatim ini supaya menjadi seorang insan yang berguna pada agama dan negara.



Sambutan <sup>24 Jun 2019</sup>  
**Hari Raya**  
**Aidilfitri**  
**JPK Wilayah Tengah**



# TVET OUTREACH



3 April - Taklimat Promosi SPKM 50 Syarikat



5 Mac - Meeting @ NCIA Penang



18 Feb 2019 - Promosi SPKM @ Search & Rescue Department (BOMBA) Putrajaya



15 Mac 2019 - Promosi DBP



16 Mac 2019 - Job Fair 2019



17 Jan 2019 - Majlis Pelancaran Garis Panduan Oleh Camfil (M) Sdn Bhd



11 Jan 2018 - Promosi di bateriku.com



17 Jan 2019 - Program Karnival Pekerjaan Batu Gajah Perak



30-31 Mac 2019 - Pameran Robofeast



23 Mac 2019 - Pameran Jelajah Pendidikan Selangor MAEPS





MPC NEXUS



KK MART

KONVOKESYEN  
SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)  
KK SUPER MART 2019



KONVOKESYEN  
SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL  
KK SUPER MART 2019



MAZDA



MIDA



**PB SLDN MASIH AKTIF**



**BILANGAN PB SLDN INSENTIF 2019 (MAC 2019)**



**BILANGAN PB SLDN INSENTIF 2019 (JUN 2019)**



**BILANGAN PROGRAM INSENTIF 2019**



**KUOTA PERANTIS SLDN INSENTIF 2019**



**PERANTIS BERDAFTAR SLDN INSENTIF 2019**




# Mutiara Kata



**Leadership is  
not a position  
or a title,  
it is action  
and example**

When it comes to  
mastering a skill,  
time is the magic  
ingredient



Dalam sujud kami bersyukur.  
Dalam rukuk kami bertasbih.  
Dalam naungan mu kami  
berlindung dan berdoa.





**Go For Gold**  
**world skills**  
Competition (WSC)  
Kazan 2019



**Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah,  
Kementerian Sumber Manusia,  
A301-2, Tingkat 3, West Wing,  
Wisma Consplant 2, No 7, Jalan SS 16/1,  
47500 Subang Jaya, Selangor**

☎ **03-5635 9995**

☎ **03-5638 8777**

✉ **jpktengah@mohr.gov.my**

📌 **JPK Wilayah Tengah**